

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**SOALAN NO. 246**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar pengasingan sisa pepejal di punca dari 2015 hingga 2019 mengikut tahun dan negeri :-

- (a) berapa notis amaran dan saman telah dikeluarkan ; dan
- (b) jumlah dan nilai sisa kitar semula yang dikutip dan keberkesanan dasar ini sejak pelaksanaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian besar sisa pepejal boleh dikitar semula malah mempunyai nilai untuk menjana ekonomi. Sisa kitar semula yang dasingkan ini boleh diletakkan di hadapan rumah untuk dikutip oleh syarikat konsesi mengikut jadual yang ditetapkan iaitu 1 kali dalam seminggu.

2. Pencapaian yang positif telah ditunjukkan melalui program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang diperkenalkan sejak 1 September 2015 di 7 buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis.

3. Untuk makluman, penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2016 bertujuan untuk mendidik dan mendisiplinkan masyarakat untuk menjaga kelestarian alam sekitar dengan mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori. Walau bagaimanapun, tindakan undang-undang adalah langkah terakhir yang akan diambil sekiranya masyarakat masih gagal untuk melaksanakan pengasingan sisa pepejal.

Kadar kompaun yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

**i) Kediaman bertanah:**

- a. Kesalahan Pertama : RM50.00
- b. Kesalahan Kedua : RM100.00
- c. Kesalahan Ketiga dan seterusnya : RM500.00

**ii) Kediaman bertingkat:**

- a. Kesalahan Pertama : RM100.00
- b. Kesalahan Kedua : RM200.00
- c. Kesalahan Ketiga dan seterusnya : RM500.00

**Soalan a**

1. Jumlah Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) yang telah dikeluarkan kepada individu atau premis yang gagal mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori adalah seperti berikut:

| <b>Bil.</b> | <b>Negeri</b> | <b>Bil. NPK<br/>Dikeluarkan</b> | <b>Bil.<br/>Kompaun</b> | <b>Jumlah<br/>Bayaran<br/>Kompaun (RM)</b> |
|-------------|---------------|---------------------------------|-------------------------|--|
| 1           | Kuala Lumpur  | 42                              | 9                       | 300.00                                     |
| 2           | Putrajaya     | 2                               | 1                       | 50.00                                      |
| 3           | Pahang        | 103                             | 70                      | 3,500.00                                   |

**NO SOALAN : 246**

|               |             |            |            |                  |
|---------------|-------------|------------|------------|------------------|
| 4             | N. Sembilan | 52         | 30         | 1,500.00         |
| 5             | Melaka      | 19         | 9          | 300.00           |
| 6             | Johor       | 84         | 43         | 2,150.00         |
| 7             | Kedah       | 31         | 26         | 1,300.00         |
| 8             | Perlis      | 29         | 22         | 1,100.00         |
| <b>Jumlah</b> |             | <b>362</b> | <b>210</b> | <b>10,200.00</b> |

\*Nota : Data bagi tempoh 1 Jun 2016 sehingga 31 Januari 2019

2. Berdasarkan 362 NPK yang dikeluarkan, sebanyak 210 Izin Kompaun telah diperoleh daripada Timbalan Pendakwa Raya dengan jumlah bayaran kompaun adalah sebanyak RM10,200.00.

**Soalan b**

1. Pecahan kutipan sisa kitar semula hasil daripada program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang dikutip oleh syarikat konsesi mengikut negeri adalah seperti berikut:

| <b>Bil.</b>   | <b>Negeri</b> | <b>Jumlah Kitar Semula Yang Dikutip (Tan)</b> |
|---------------|---------------|---|
| 1.            | Kuala Lumpur  | 1,204.35                                      |
| 2.            | Putrajaya     | 382.24  |
| 3.            | Pahang        | 1,101.97                                      |
| 4.            | N. Sembilan   | 802.43  |
| 5.            | Melaka        | 851.50  |
| 6.            | Johor         | 2,029.44                                      |
| 7.            | Perlis        | 63.80   |
| 8.            | Kedah         | 505.57  |
| <b>Jumlah</b> |               | <b>6,941.30</b>                               |

\*Nota : Data bagi tempoh 1 September 2015 sehingga 31 Januari 2019

2. Sejak program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca diperkenalkan, sebanyak 6,941.30 tan sisa kitar semula telah berjaya dikumpulkan dengan nilai sebanyak RM1,414,307.11.

### **Keberkesanan**

1. Secara umumnya, pembudayaan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca telah menyumbang kepada impak seperti berikut:

- a) Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan;
- b) Mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal;
- c) Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan;
- d) Meningkatkan kadar kitar semula negara;
- e) Menjana sumber ekonomi negara melalui industri kitar semula; dan
- f) Mentransformasikan minda masyarakat ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau.

2. Selain itu, keberkesanan dan kejayaan program ini telah dibuktikan menerusi pencapaian kadar kitar semula kebangsaan yang meningkat saban tahun. Untuk makluman, kadar kitar semula kebangsaan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 17.5% pada tahun 2016 kepada 21% pada tahun 2017 dan meningkat kepada 24.6% pada tahun 2018. Kadar ini adalah sejajar dengan sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 30% menjelang tahun 2020. Sekian, terima kasih.